

APO-DOXAZOSIN 2MG TABLETS

Doxazosin Mesylate (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan APO-DOXAZOSIN
2. Bagaimana APO-DOXAZOSIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan APO-DOXAZOSIN
4. Cara menggunakan APO-DOXAZOSIN
5. Semasa menggunakan APO-DOXAZOSIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan APO-DOXAZOSIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apa kegunaan Apo-Doxazosin

Doktor anda telah mempreskripsi APO-DOXAZOSIN kepada anda kerana anda mempunyai keadaan perubatan yang dipanggil “*benign prostatic hyperplasia*” (pembesaran kelenjar prostat) atau BPH. Kondisi ini hanya berlaku pada lelaki. APO-DOXAZOSIN juga boleh digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (hipertensi).

Bagaimana Apo-Doxazosin berfungsi

APO-DOXAZOSIN menyekat reseptor otot licin pada leher pundi kencing dan kelenjar prostat yang dipanggil “*alpha1-adrenoceptors*”. Penyekatan ini menyebabkan otot licin pada leher pundi kencing dan kelenjar prostat mengendur dan mengurangkan ketegangan otot.

Sebelum menggunakan Apo-Doxazosin

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil APO-DOXAZOSIN jika anda alergik terhadap ubat ini atau sebarang komponen yang terdapat di dalamnya.

- Sebelum mula menggunakan Apo-Doxazosin

Berikut adalah sebab-sebab mengapa APO-DOXAZOSIN tidak sesuai untuk penggunaan anda:

- Jika anda hamil atau bercadang untuk hamil
- Jika anda mempunyai penyakit hati
- Jika anda mempunyai masalah jantung

Penggunaan APO-DOXAZOSIN tidak digalakkan pada kanak-kanak kerana keselamatan dan keberkesanan untuk kanak-kanak belum diketahui.

Penggunaan untuk warga tua: APO-DOXAZOSIN harus digunakan dengan berhati-hati untuk warga tua kerana terdapat kemungkinan hipotensi postur (penurunan tekanan darah disebabkan oleh perubahan dalam kedudukan badan) boleh berlaku.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada interaksi yang memerlukan perhatian.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Apo-Doxazosin

- Berapa banyak harus digunakan

Anda akan mulakan dengan 1 mg dos APO-DOXAZOSIN sekali sehari. Kemudian dos sekali sehari itu akan dinaikkan selepas badan anda biasa dengan kesan ubat ini. Ikut arahan doktor anda tentang cara untuk menggunakan APO-DOXAZOSIN.

- Bila perlu digunakan

Anda boleh mengambil APO-DOXAZOSIN sama ada pada waktu pagi atau sebelum tidur. Keberkesanan ubat ini sama pada kedua-dua waktu tersebut.

- Berapa lama untuk digunakan

Anda harus mengambil ubat ini setiap hari pada dos yang telah disarankan. Bincang dengan doktor anda jika anda tidak mengambilnya untuk beberapa hari atas sebab-sebab tertentu; anda mungkin perlu mengambilnya semula pada dos 1mg, naikkan dos anda secara beransur-ansur dan sekali lagi, anda mungkin mengalami pening-pening.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan risau. Ambil dos yang telah disyorkan sebaik sahaja anda teringat semula, melainkan sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya. Jika begitu, ambil dos yang seterusnya pada waktu yang ditetapkan tanpa mengambil dos yang telah terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil dos yang lebih daripada yang disyorkan, hubungi wad kecemasan yang berhampiran atau beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Jangan lupa untuk bawa bekas dan lebihan ubat ini bersama anda.

Semasa menggunakan Apo-Doxazosin

- Perkara yang perlu dilakukan
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Doxazosin

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Doxazosin dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

APO-DOXAZOSIN boleh menyebabkan penurunan tekanan darah secara mendadak selepas dos pertama. Anda mungkin merasa pening, pengsan atau "ringan kepala", terutamanya selepas anda bangun dari katil atau dari kerusi. Ini mungkin lebih kerap berlaku selepas anda telah mengambil beberapa dos pertama, tetapi boleh berlaku pada bila-bila masa semasa anda mengambil ubat ini. Ia juga boleh berlaku jika anda berhenti mengambil ubat ini dan kemudian memulakan semula rawatan ini.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau

mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan sampingan

Doxazosin boleh menyebabkan hipotensi postur (tekanan darah menurun secara mendadak) dan menyebabkan anda hilang kesedaran dan *tachycardia* (kadar denyutan jantung cepat yang tidak normal) berikutan dos permulaan.

Kesan sampingan yang lebih biasa termasuk pening, perasaan mengantuk, sakit kepala, kekurangan tenaga, loya dan palpitasi (dengungan jantung tak normal yang dirasai sebagai denyutan jantung cepat dan deras). Kesan buruk yang lain termasuk sakit dada, sembelit, cirit-birit, muntah, kemurungan dan cemas, gangguan tidur, rasa pening, halusinasi, *paraesthesia* (perasaan ganjal seperti membakar dan menusuk pada kulit), hidung tersumbat, kekerihan mulut, kekerapan kencing dan *inkontinens* (kencing yang tidak dapat dikawal).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Doxazosin

- Penyimpanan

Anda diingatkan supaya menyimpan APO-DOXAZOSIN dan semua ubat-ubat lain jauh daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bekas ini.

Simpan APO-DOXAZOSIN pada suhu bilik (di antara 15 - 25°C). Jauhi daripada cahaya.

- Pelupusan

Sekiranya anda masih mempunyai lebihan ubat ini selepas anda hentikan pengambilannya atas arahan doktor atau kerana anda dapat ubat ini telah melepassi tarikh luputnya, sila rujuk kepada ahli farmasi anda tentang langkah yang perlu diambil.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Putih, berbentuk kapsul, tablet dwicembung yang berukir 'APO' pada satu bahagian dan pada satu bahagian lagi separa terbelah dua dan berukir 'D2'. Terdapat dalam botol HDPE berisi 30 tablet.

- Bahan-bahan Kandungan

- Bahan Aktif: Doxazosin Mesylate

- Bahan Tidak Aktif: *Lactose monohydrate, microcrystalline cellulose, magnesium stearate* dan *croscarmellose sodium*.

- Nombor MAL

MAL 20040557A

Pengilang

Apotex Inc.
150 Signet Drive
Weston Toronto Ontario
M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh Kemaskini RiMUP

26/1/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)130115/00014